

**VARIASI MINAT PELAJAR TERHADAP MATA PELAJARAN  
PENDIDIKAN ISLAM KONTEMPORARI**

Amirul Ridzuan Mohd Shafie<sup>1</sup> & Muhammad Zulazizi Mohd Nawi<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Kuala Kubu Bharu, Perak, Malaysia

Corresponding author: zulazizi0902@gmail.com

***Abstrak***

**E-JITU**

Acceptance date:  
15 August 2022

Valuation date:  
18 October 2022

Publication date:  
24 December 2022

*Kajian ini bertujuan melihat variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. Kajian ini juga ingin melihat perbezaan variasi minat pelajar terhadap demografi pelajar. Pendekatan kuantitatif dengan bantuan instrumen soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data. Pemilihan subjek kajian pula dijalankan secara persampelan rawak mudah melibatkan 370 orang pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah terpilih, di sekitar dua zon utama dalam daerah Perak Tengah. Dapatan kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan inferensi, bagi menjawab persoalan kajian.*

*Analisis deskriptif menjelaskan variasi minat pelajar terhadap subjek pendidikan Islam. Manakala analisis inferensi yang melibatkan Ujian-T dan Analisis Varian Sehala adalah bagi mencari perbezaan. Hasil kajian mendapati, variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, berada pada tahap sederhana tinggi; keterbukaan ( $M = 3.64$ ,  $SP = 0.52$ ), ketertarikan ( $M = 3.32$ ,  $SP = 0.47$ ), perhatian ( $M = 3.63$ ,  $SP = 0.47$ ), dan penglibatan ( $M = 3.34$ ,  $SP = 0.51$ ). Ujian-T dan Analisis Varian Sehala pula membuktikan, terdapat perbezaan yang signifikan antara variasi minat pelajar dengan demografi mereka. Kesimpulannya, variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam adalah baik, namun terdapat perbezaan variasi minat berdasarkan demografi pelajar.*

*Kata kunci: minat, pelajar, mata pelajaran pendidikan Islam.*

**VARIATION OF STUDENT INTERESTS IN CONTEMPORARY  
ISLAMIC EDUCATION SUBJECTS****Abstract**

*This study aims to see the variation of students' interest in Islamic education subjects. This study also wants to look at the differences in the variation of students' interest in student demographics. A quantitative approach with the help of a questionnaire instrument was used to collect the data. The selection of study subjects was conducted by easy random sampling, involving 370 form four students in selected schools, around the two main zones in the Central Perak district. The findings were then analyzed descriptively and inferentially, to answer the research questions. The descriptive analysis explains the variation of students' interest in the subject of Islamic education. While inference analysis involving T-Test and One-Way Variant Analysis is to find differences. The results of the study found that the variation of students' interest in the subject of Islamic Education, is at a moderately high level; openness ( $M = 3.64$ ,  $SD = 0.52$ ), interest ( $M = 3.32$ ,  $SD = 0.47$ ), attention ( $M = 3.63$ ,  $SD = 0.47$ ), and engagement ( $M = 3.34$ ,  $SD = 0.51$ ). T-Test and One-Way Variance Analysis proved that there is a significant difference between the variation of students' interests and their demographics. In conclusion, the variation of students' interest in Islamic education subjects is good, but there are differences in the variation of interest-based on student demographics.*

*Keywords: interests, students, Islamic education subjects, contemporary.*

**PENDAHULUAN**

Islam meletakkan nilai pendidikan pada tangga paling atas (Ahmad, 2014). Buktinya, kajian sejarah tafsir menunjukkan risalah pertama yang turun kepada manusia adalah suruhan berkaitan pendidikan melalui kaedah membaca dan menulis. Hal ini jelas disebutkan al-Quran, dalam surah al-'Alaq ayat 1 hingga 5:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

Maksudnya: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk) (1) Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku (2) Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah (3) Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan (4) Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. (5)

(Surah al-'Alaq, 96: 1-5).

Walaupun Islam meletakkan nilai pendidikan sebagai perkara di tangga paling atas, ini tidak bermakna nilai pendidikan perlu bertumpu kepada budaya keilmuan dan pengajaran sahaja. Pendidikan Islam membawa bersamanya nilai peradaban dan akhlak mahmudah, sesuai dengan sahsiah pembawanya iaitu, Rasulullah SAW. Rentetan daripada asas suruhan dalil tersebut, negara Malaysia sebagai negara berpendudukan Islam, telah meletakkan suatu dasar dan Falsafah Pendidikan Islam, pada tahun 1988. Usaha untuk menyatakan Falsafah Pendidikan Islam ini mula disedari ketika Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pendidikan ditubuhkan pada tahun 1974. Keperluannya dilihat penting apabila kabinet menggubal Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah bagi subjek Pendidikan Islam yang ingin mula dilaksanakan pada tahun 1988-1989 (Akta Pendidikan 1996 & Peraturan Terpilih, 2003). Akta Pendidikan 1996 & Peraturan Terpilih (2003), dalam Seksyen 50 (1) juga turut menyebutkan:

*“Jika di dalam sesuatu institusi pendidikan terdapat lima orang murid atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.”*

Bermula daripada dasar falsafah tersebut juga, kajian demi kajian semakin giat dilakukan bagi benar-benar merealisasikan aplikasi ilmu Pendidikan Islam sebagai cara hidup (al-Din) di negara Malaysia. Sahsiah dan penghayatan Pendidikan Islam sebagai al-Din, menjadi fokus kebanyakan kajian dan menjadi matlamat terpenting kerana ia menjadi penanda aras moral sesebuah masyarakat (Yalchin, 1977; Qurashi, 2009; Hakim, 2014, Suhid, et al., 2015). Pelajar yang dilahirkan daripada mata pelajaran Pendidikan Islam diharapkan perlulah lengkap ilmunya, baik amalnya, serta unggul sahsiahnya. Namun realitinya, dua amalan pembelajaran ini, iaitu pembelajaran secara langsung mahupun tidak langsung, tidak akan memberi kesan kepada pelajar sekiranya pelajar itu sendiri tiada sifat ingin tahu dan minat kepada mata pelajaran Pendidikan Islam itu sendiri. Keadaan ini akan lebih buruk, sekiranya guru Pendidikan Islam tidak mencipta minat pelajar ini terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, dengan menggunakan pendekatan yang pelbagai dan bersungguh-sungguh menarik perhatian pelajar (Taat et al, 2014).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Secara logiknya, penambahbaikan sistem pendidikan dari tahun ke tahun, khususnya bagi mata pelajaran pendidikan Islam, sepatutnya memberi tanda aras positif kepada sahsiah dan akhlak pelajar, dengan kata lain gejala sosial kini sepatutnya sifar kes kerana sudah berpuluh tahun pendidikan Islam diajarkan kepada rakyat Malaysia. Mata pelajaran Pendidikan Islam sepatutnya menjadi salah satu faktor untuk memperbaiki sahsiah dan akhlak pelajar, sehingga mampu melahirkan warganegara yang baik, amanah, berintegriti, dan teguh dengan prinsip agama yang tinggi (Salih, 1980). Walau bagaimanapun, realiti cara hidup kebanyakan daripada unit masyarakat belum lagi menunjukkan tanda aras bahawa mereka benar-benar memahami Islam. Hal ini boleh dibuktikan dengan melihat statistik tahunan gejala sosial di Malaysia,

dan kekerapan berita jenayah yang dikeluarkan oleh media tempatan. Walaupun terdapat beberapa kawasan yang mengalami pengurangan kes, namun gejala tersebut masih wujud dan bila-bila masa sahaja boleh mempengaruhi generasi mendatang.

Sebagai contoh, kadar gejala sosial yang berlaku di negeri Perak adalah yang kedua terbesar di Semenanjung Malaysia. Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Mohamad Zainal Abdullah, mengakui gejala sosial dan kes jenayah di daerah ini sudah menunjukkan penurunan sebanyak 138 kes pada tahun 2017, berbanding 207 kes pada tahun sebelumnya (Mohd Arop, 2017). Namun, menurutnya, gejala ini boleh berkembang semula sekiranya pemantauan kerap tidak dilakukan dari semasa ke semasa.

Walaupun mengalami pengurangan, namun angka kes yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Daerah Perak Tengah di atas agak membimbangkan. Hal ini kerana, daerah Perak Tengah merupakan antara daerah yang sederhana besar sahaja di negeri ini, mewakili keluasan 128,205 hektar (Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Perak Tengah, 2017). Daerah ini juga mempunyai lebih 70 buah sekolah rendah dan menengah, serta guru Pendidikan Islam yang lebih ramai berbanding daerah lain (Jabatan Pendidikan Negeri Perak, 2017). Hal ini menunjukkan terdapat kelompongan sistem Pendidikan Islam di daerah Perak Tengah. Di daerah yang sama, di Bandar Seri Iskandar, menjadi pusat ilmu para pelajar dan mahasiswa tempatan dan antarabangsa. Bandar ini juga digelar 'Bandar Universiti'. Hal ini kerana, terdapat beberapa institut pengajian tinggi di bandar ini.

Di bandar yang sama juga terdapat beberapa sekolah rendah dan menengah. Keadaan ini kemudiannya menimbulkan kes pergaulan tanpa batas bukan muhrim dalam kalangan remaja. Keadaan ini berlanjutan sehinggakan Majlis Daerah Perak Tengah terpaksa mengeluarkan warta kepada pawagam Lotus Five Star Seri Iskandar untuk menyekat pasangan bukan muhrim bagi menggunakan '*couple seat*' di pawagam (Mohamed, 2015). Keadaan ini menunjukkan asas pengetahuan Islam dan moral remaja di daerah ini agak lemah.

Dalam kes lain seperti penyalahgunaan dadah, Perak merupakan antara penyumbang besar kadar penagihan di Malaysia mengikut statistik Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2016, iaitu 2,639 orang penagih yang didaftarkan, daripada 30,844 orang (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2016). Tidak mustahil daripada jumlah tersebut, Perak Tengah adalah antara penyumbang terbesar kerana mempunyai keluasan daerah dan kependudukan yang agak besar. Disebabkan keterdesakan ini, Majlis Agama Islam Perak terpaksa mengambil langkah drastik, untuk bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Perak, melaksanakan Program Sahsiah Unggul Insan Terbilang di sekolah. Program ini turut bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, dan Kementerian Kesihatan Malaysia, bagi membebaskan remaja Perak daripada najis dadah (Majlis Agama Islam Perak, 2018).

Dalam statistik lain, Shaari (2018) menyebutkan purata kes tahunan 2017 telah menunjukkan terdapat 800 kes wanita hamil tanpa nikah, didaftarkan di Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Kuala Lumpur sahaja. Menurut Shaari (2018) lagi, antara faktor gejala ini merebak di Kuala Lumpur ialah, kurangnya minat dalam diri mangsa kepada pendidikan agama sekali gus mengabaikan nilai Pendidikan Islam

itu dalam kehidupan mereka. Justeru, dapat difahami bahawa minat merupakan antara faktor dan alasan bagi remaja untuk tidak mendalami ilmu Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam dunia serba canggih, minat pelajar kini sudah tidak lagi terfokus kepada pembelajaran semata-mata. Hal ini kerana, sudah banyak pengaruh luar seperti media sosial, media massa, rakan sebaya, dan keseronokan lain, yang mengalihkan minat pelajar daripada pembelajaran, khususnya Pendidikan Islam. Para pelajar lebih berminat menghabiskan masa bersama rakan sebaya. Apa yang membimbangkan, kemudahan akses internet membesarkan kemungkinan, minat pelajar beralih kepada bahan-bahan pornografi dan informasi berunsur negatif. Anasir-anasir sebeginilah yang mempengaruhi pelajar untuk melakukan gejala yang tidak sihat. Hal ini menyukarkan lagi usaha guru Pendidikan Islam untuk menarik minat pelajar, mendalami Pendidikan Islam secara berfokus (Abd Razak *et al.*, 2016).

Selain media sosial dan media massa, pelbagai faktor lain yang membuatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam kian merosot. Faktor-faktor yang terlibat termasuklah faktor ibu bapa para pelajar, faktor para guru yang mengajar Pendidikan Islam, dan faktor kurikulum Pendidikan Islam itu sendiri. Antara tiga faktor tersebut, faktor yang paling dominan ialah faktor para guru Pendidikan Islam, yang merangkumi amalan pengajaran, personaliti guru Pendidikan Islam dan sebagainya. Guru Pendidikan Islam adalah yang paling memberi pengaruh kepada minat pelajar kerana mereka merupakan medium perantara antara ilmu Pendidikan Islam dengan para pelajar. Namun harus diakui, tidak semua guru Pendidikan Islam memberi imej buruk lantas menggugat minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Masih terdapat lagi alternatif dan cara bagi mengekang permasalahan guru Pendidikan Islam ini, dengan menyedarkan mereka tentang nilai amanah dan tanggungjawab kepada anak bangsa (Mustafa & Salim, 2012).

Justeru, kajian ini amat signifikan untuk dijalankan bagi melihat variasi minat para remaja daerah Perak Tengah, terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini kerana, terdapat simptom gejala sosial sedang berlaku dalam masyarakat daerah ini, yang berkemungkinan disebabkan oleh kelemahan sistem pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Kajian akan menghubungkan tahap minat pelajar dengan persepsi mereka terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam, sebagai penyampai kepada ilmu mata pelajaran Pendidikan Islam itu sendiri.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- a) Mengenal pasti variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.
- b) Mengenal pasti perbezaan variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, berdasarkan demografi pelajar.

## **HIPOTESIS KAJIAN**

$H_{01}$  *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam antara pelajar lelaki dan perempuan.*

H<sub>02</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar.

H<sub>03</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam antara aliran sains dan sastera.

H<sub>04</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan gred A, B, C, dan D.

H<sub>05</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan pendidikan tertinggi ibu atau bapa yang mempunyai SRP/PMR, SPM, Diploma, Ijazah, Master, dan PhD.

## **SOROTAN KAJIAN**

Dalam konteks variasi minat pelajar terhadap pendidikan, usaha-usaha kajian lepas dilihat lebih menjuruskan minat kepada mata pelajaran lain berbanding memfokuskan minat kepada mata pelajaran pendidikan Islam. Kajian lepas oleh Abd Rahiman & Abdul Shukor (2017), telah menyentuh kajian ‘Hubungan Minat dan Sikap terhadap Pencapaian Pelajar dalam Kursus DPA3043 - Auditing’. Secara umumnya, kajiannya bertujuan mengenalpasti pengaruh minat terhadap kecemerlangan pelajar terhadap subjek kursus yang dipilih. Kajian kuantitatif ini melibatkan 80 orang mahasiswa yang mengambil kursus tersebut, dan keputusan membuktikan, terdapat hubungan yang positif terhadap minat dengan kecemerlangan pelajar dalam kursus DPA3043. Kajian ini membuktikan, minat membawa pengaruh yang besar dalam kemenjadian pelajar dalam bidang yang mereka ambil. Justeru, kajian yang beliau jalankan masih belum bersifat menyeluruh. Walaupun kajian yang beliau menjurus kepada individu melibatkan pelajar tetapi kajian beliau masih belum berjaya mengupas tahap minat pelajar terhadap matapelajaran secara mendalam dan berilmiah. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan melihat dari segi aspek ini sebagai asbab kajian kepada pengkaji.

Lain daripada itu, kajian terdahulu ‘Faktor-faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab’ oleh Abdullah et al. (2015) mendapati, faktor yang terutama untuk mempelajari Bahasa Arab ialah faktor keinginan pelajar dan merasakan Bahasa Arab itu mata pelajaran yang paling penting. Selain daripada mengkaji faktor paling dominan, kajian kuantitatif berteraskan instrumen soal selidik ini mendapati, majoriti responden memiliki tahap minat yang baik terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Pengkaji juga berjaya melihat hubungan antara minat dengan pencapaian pelajar dalam Bahasa Arab yang signifikan, berada pada tahap sederhana. Kajian ini melibatkan 93 orang responden di sebuah SMKA di Kelantan. Akhir kata, kajian yang sedang pengkaji jalankan juga masih belum mendalam penerokaannya. Walaupun mempunyai minat yang positif daripada pelajar terhadap matapelajaran bahasa Arab, bagaimana pula dengan minat pelajar terhadap matapelajaran pendidikan Islam. Oleh hal yang demikian, setelah diteliti dari segenap ruang, pengkaji akan melihat dari segi aspek variasi minat pelajar terhadap matapelajaran pendidikan Islam juga. Perkara ini akan memberikan keadilan dari segi persepsi kepada kedua-dua belah pihak



Pada waktu yang sama, kajian Mohamed et al. (2014), berkenaan ‘Kesedaran Motivasi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam’. Kajian mereka bertujuan mengenal pasti tahap motivasi pelajar yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Kajian kuantitatif ini menggunakan set soalan yang melibatkan 381 orang responden yang terdiri daripada pelajar. Dapatan mendapati, tahap motivasi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam hanyalah berada pada tahap sederhana sahaja. Hasil kajian ini membuktikan bahawa, para guru perlu melakukan sesuatu terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran agar motivasi pelajar terhadap Pendidikan Islam semakin meningkat. Maka, di sini jelaslah bahawa, dapatan kajian beliau hanya menfokuskan aspek motivasi, namun tidak menjuruskan kepada aspek tahap minat bagi menjelaskan mengapa aspek tahap minat juga perlu dikaji bagi mengaitkan aspek motivasi berkenaan. Kelemahan hasil kajian beliau ini boleh mendatangkan bias kerana hanya satu peringkat sahaja dilakukan.

Dari sudut lain, kajian yang menghubungkan tahap minat pelajar dengan kualiti diri guru oleh Samsuiman et al. (2014), bertajuk ‘Hubungan Antara Kecenderungan Minat Pelajar dalam Bahasa Arab dengan Kualiti Diri Guru Bahasa Arab MRSM Ulul Albab, Kota Putra’. Kajian yang melihat hubungan signifikan dua pemboleh ubah ini merupakan kajian kuantitatif, yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian, dengan melibatkan 57 orang pelajar MRSM Ulul Albab Kota Putra. Kajian ini telah membuktikan bahawa tahap minat pelajar terhadap Bahasa Arab berada pada tahap baik dan tinggi. Kualiti diri guru MRSM Ulul Albab Kota Putra juga adalah tinggi, dan merupakan individu yang paling berpengaruh terhadap pemupukan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab di MRSM tersebut. Sebagai kesimpulannya, kajian yang telah beliau jalankan adalah berkonsep pembelajaran bahasa Arab semata-mata dan tidak melibatkan pembelajaran pendidikan Islam. Oleh hal yang demikian, berdasarkan artikel ini, pengkaji perlu melihat dari segi aspek minat secara lebih spesifik menjurus kepada seseorang individu pelajar. Maka kajian yang akan dijalankan pengkaji diharapkan mampu menguji variasi minat pelajar terhadap matapelajaran pendidikan Islam itu nanti.

Wan Yusop (2014), dalam penulisannya bertajuk ‘Faktor Yang Mendorong Pencapaian Akademik Pelajar dalam Program Kimpalan di Kolej Vokasional’ mendapati, minat merupakan faktor utama pendorong para pelajar untuk mempelajari mata pelajaran kimpalan dengan nilai purata min 4.02. Aspek personaliti guru juga menjadi faktor utama pelajar mencapai prestasi kimpalan yang memberangsangkan dengan nilai purata min 3.92, diikuti faktor sikap, disiplin pelajar, kemudahan dan prasarana, pengaruh rakan sebaya dan sokongan keluarga. Kajian faktor-faktor pendorong pencapaian akademik ini menggunakan kaedah kuantitatif, melibatkan edaran soal selidik kepada 148 orang pelajar kimpalan, di kolej-kolej vokasional terpilih, di seluruh Semenanjung Malaysia. Oleh sebab itu, kajian yang sedang beliau lakukan hanya melibatkan pelajar kolej dan bukannya pelajar yang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Oleh hal demikian, pengkaji akan melihat dari aspek variasi minat terhadap matapelajaran pendidikan Islam dalam kalangan pelajar kerana nilai-nilai daripada matapelajaran Islam perlu diterapkan dari bangku sekolah lagi.

Sementelahan itu, kajian Abu & Leong (2014), pula menunjukkan dapatan bahawa, minat pelajar, sikap pelajar, dan strategi pengajaran guru amat bermain

peranan dalam menentukan prestasi peperiksaan mereka. Hasil kajian mereka juga dapat membuktikan, pengaruh rakan sebaya terhadap prestasi pelajaran merupakan pengaruh yang paling lemah terhadap diri pelajar. Dapatan ini jelas dinyatakan dalam kajian mereka bertajuk 'Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru, dan Pengaruh Rakan Sebaya, Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4'. Kajian berbentuk kuantitatif yang menilai persepsi pelajar melalui borang soal selidik ini, melibatkan 114 pelajar Tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah kebangsaan terpilih. Kajian ini memang sama dengan kajian pengkaji kerana melibatkan pelajar tingkatan 4 dan minat pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Walakin begitu, teori kajian yang beliau jalankan adalah berbeza berbanding dengan kajian pengkaji kerana beliau menggunakan Teori Pembelajaran Behaviorisme bagi melihat semangat dan motivasi pelajar dalam pencapaian dalam mata pelajaran Matematik. Dengan ini, satu kajian yang komprehensif perlulah dilakukan bagi menjawab permasalahan berkaitan dengan gejala-gejala sosial yang wujud akibat mengabaikan minat terhadap matapelajaran pendidikan Islam. Persembahan data-data yang menunjukkan statistik sebagai bukti mengukuhkan hujah juga perlu dinyatakan selaras dengan permasalahan kajian pengkaji.

Akhir sekali, kajian oleh Mohd Aini et al. (2013) bertajuk 'Mengenali Punca Kemosotot Minat Pelajar Terhadap Pembelajaran & Pengajaran Pendidikan Islam'. Kajian kualitatif ini percaya bahawa minat yang mendalam oleh pelajar akan melahirkan rasa cinta dan meningkatkan tahap kefahaman pelajar terhadap Pendidikan Islam. Namun, kajian mendapati kemosotot minat pelajar semakin membimbangkan dan perlu kepada kajian punca kesan dan kaedah mengatasinya. Hasil kajian mendapati, faktor-faktor dominan yang membantutkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam ialah faktor pelajar itu sendiri, faktor ibu bapa yang kurang menggalak, faktor amalan pengajaran guru Pendidikan Islam, dan faktor kurikulum Pendidikan Islam. Namun, kajian yang sedang beliau jalankan masih belum disentuh dengan lebih mendalam. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan menelusuri dari segi cara mempersembahkan dapatan yang mungkin berbeza sedikit dengan beliau.

## **KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN**

Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan Model Pengukuran Variasi Minat yang digunakan untuk menentukan variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. Menurut Othman (2002), minat mempengaruhi hala tuju dan kejayaan seseorang. Dalam teori Slameto (2010) sebagaimana rajah 1 di bawah, Slameto telah menyenaraikan empat tanda atau kayu ukur bagi menentukan variasi minat seseorang terhadap sesuatu perkara dengan lebih spesifik, dengan melihat daya keterbukaan, ketertarikan, perhatian, dan penglibatan seseorang terhadap sesuatu secara konsisten.





Rajah 1. Kerangka Konseptual Kajian yang diadaptasi daripada Teori Pengukuran Variasi Minat oleh Slameto (2010)

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pengkaji melaksanakan kajian ini dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif iaitu menggunakan kaedah deskriptif dan analisis inferensi. Reka bentuk kajian ini menunjukkan variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. Pengkaji memilih kaedah deskriptif sebagai pilihan utama kajian bagi mengetahui dan mengkaji secara empirikal dan terancang berkaitan variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. Menurut Cohen et al. (2000), pemilihan kaedah deskriptif dalam kajian ini bagi menjadikan persoalan kajian dapat dilihat dari sudut yang luas dan merangkumi segenap aspek selain dapat menggambarkan fenomena yang berlaku. Justeru, bagi melancarkan pengumpulan data melalui kaedah deskriptif ini, maka pengkaji telah mengambil beberapa langkah seperti, menyatakan permasalahan yang ingin dikaji, menentukan populasi, persampelan, pemboleh ubah yang berkaitan, mengenal pasti maklumat yang perlu digunakan untuk menyelesaikan masalah, dan memilih instrumen yang sesuai untuk mengumpul data-data kajian.

### **Populasi dan Persampelan**

Populasi kajian ini adalah merupakan pelajar sekolah menengah harian di daerah Perak Tengah. Jumlah keseluruhan populasi pelajar sekolah menengah di daerah Perak Tengah adalah seramai ±10,000 orang pelajar (Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040). Namun, berdasarkan jadual Krejcie &

Morgan (1970), populasi kajian yang dipilih untuk dijadikan sampel ialah seramai 370 orang dan faktor pemilihan sampel ini disebabkan terdapat bilangan pelajar yang berbeza untuk setiap sekolah selain membenarkan pengkaji mendapatkan maklumat yang benar-benar dikehendaki apabila pengukuran menyeluruh ke atas populasi tidak dapat dilakukan. Pemilihan sampel kajian hanya melibatkan pelajar tingkatan 4 daripada empat buah sekolah menengah harian, di daerah Perak Tengah. Dua daripadanya daripada Zon Bota (Utara Perak Tengah) dan dua lagi daripada Zon Kampung Gajah (Selatan Perak Tengah). Pemilihan ini disokong Hurlock (1990) sepertimana termaktub dalam kajian Herlina (2013) bahawa, fasa kemuncak dalam perkembangan remaja, iaitu 16 tahun hingga 18 tahun merupakan suatu tempoh menuju kematangan. Tambahan pula, pelajar tingkatan empat tidak terlibat dengan sebarang bentuk peperiksaan awam dan telah diberikan pendedahan berkaitan silibus pendidikan Islam menengah rendah selama tiga tahun. Faktor pengalaman dan kematangan inilah menjadikan jawapan mereka lebih konsisten berbanding dengan pelajar lain. Sementara itu, kaedah persampelan bagi kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah persampelan rawak mudah kerana kaedah ini sangat menepati kemampuan pengkaji bagi mendapatkan kerangka persampelan (Asbulah, et al., 2019).

Kajian ini menggunakan perisian “The Statistical Package for Social Science” (SPSS) versi 25.0 bagi menjelaskan ciri-ciri pembolehubah dengan menggunakan petunjuk skor min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan seterusnya membuat kesimpulan berdasarkan data numerikal yang diperolehi (Darusalam & Hussin, 2016). Data yang diperolehi daripada soal selidik dijelaskan melalui nilai interpretasi min yang ditetapkan oleh Stufflebeam & Kappa (1971) iaitu 1.00 hingga 2.00 membawa tafsiran tahap rendah, skor min antara 2.01 hingga 3.00 berada di tahap sederhana rendah, skor min antara 3.01 hingga 4.00 berada di tahap sederhana tinggi dan 4.01 hingga 5.00 berada pada tahap yang tinggi.

Variasi minat diukur menggunakan instrumen yang diadaptasi daripada kajian Abdul Rahim & Ahmad (2008) dan Hamid (2000). Sebanyak 14 item telah diadaptasi daripada instrumen berkenaan. Dalam aspek skala pengukuran, item-item menggunakan skala Likert 5 mata seperti Skor 1 digunakan untuk skala Sangat Tidak Setuju, skor 2 untuk skala Tidak Setuju, skor 3 untuk skala Tidak Pasti, skor 4 untuk skala Setuju, dan skor 5 untuk skala Sangat Setuju. Menurut McMillan & Schumacher (2006), pentaksiran pandangan dan kepercayaan adalah agak tepat dengan menggunakan skala Likert 5 mata dalam soal selidik. Tambah Konting (2004) pula, pemilihan skala Likert lima mata dibuat kerana nilai kebolehpercayaannya yang tinggi dan mempunyai pilihan yang banyak kepada sampel untuk menentukan pilihan yang terbaik.

### **Kesahan dan Kebolehppercayaan**

Sebelum soal selidik diberikan kepada sampel untuk tujuan rintis, soal selidik telah melalui proses kesahan muka dan kandungan bersama-sama tiga orang panel rujukan yang telah dilantik bagi memberikan respon terhadap soal selidik berkenaan. Lynn (1986) mengatakan, jumlah panel rujukan yang diterima adalah antara tiga hingga 10

orang (Polit, & Beck, & Owen, 2007). Penentuan panel rujukan ini adalah berdasarkan kepakaran mereka dalam bidang pendidikan Islam dan statistik penyelidikan. Panel rujukan dikehendaki menyemak, memberi komen serta pandangan terhadap isi kandungan, maksud, persembahan item, kesesuaian pengukuran dan penggunaan laras bahasa dalam soal selidik. Seterusnya, Indeks Kesahan Kandungan (Content Validation Index, CVI) digunakan bagi menentukan kebolehpercayaan antara pakar dicapai. Keputusan CVI menunjukkan nilai yang diterima iaitu  $>0.80$ . Justeru, semua panel rujukan mempersetujui item-item dalam soal selidik boleh digunakan untuk mengukur aspek kandungan.

Dalam pada itu, kestabilan dalaman bagi setiap skala dilakukan menggunakan petunjuk skor Alfa Cronbach untuk mendapatkan maklumat setiap item yang sepatutnya mengukur konstruk yang sama dan mempunyai korelasi antara item yang tinggi (Mokhtar & Che Aman, 2017). Maka, melalui dapatan analisis daripada kajian rintis menunjukkan kebolehpercayaan item yang tinggi iaitu dengan nilai Alfa,  $\alpha = 0.86$ . Ini menunjukkan skor indeks kebolehsandaran item adalah dianggap baik dengan klasifikasi konsistensi yang boleh diterima seperti yang dijelaskan oleh Bryman & Cramer (1999). Sekaran (1992) juga menyatakan bahawa, skor alfa antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima manakala nilai alfa yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik. Maka, ini bermakna item-item dalam soal selidik mampu mengukur apa yang seharusnya diukur dalam kajian sebenar.

## **DAPATAN KAJIAN**

Analisis data daripada soal selidik untuk penentuan variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam secara keseluruhan adalah seperti dalam Jadual 1, 2 dan 3.

### **Keterbukaan Pelajar**

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi bagi keterbukaan pelajar. Nilai min keseluruhan bagi konstruk keterbukaan pelajar mempelajari mata pelajaran pendidikan Islam berada pada tahap sederhana tinggi iaitu ( $M = 3.64$ ,  $SP = 0.52$ ). Secara keseluruhannya, tujuh daripada lapan item dalam konstruk keterbukaan pelajar ini, berada pada tahap sederhana tinggi, dengan min terendah iaitu item B103 “Saya suka membaca buku mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai persediaan kelas, tanpa disuruh guru” ( $M = 3.04$ ,  $SP = 0.97$ ). Hanya satu sahaja item mendapat tahap interpretasi tinggi dengan ( $M = 4.12$ ,  $SP = 0.79$ ), iaitu item B104 “Pada saya, mata pelajaran Pendidikan Islam amat penting kepada semua pelajar”.

Dapatan menunjukkan bahawa, antara keterbukaan pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam adalah apabila pelajar menganggap mata pelajaran pendidikan Islam amat penting sama seperti mata pelajaran teras yang lain. Selain itu, sikap berdisiplin yang ditonjolkan oleh pelajar harus dipuji kerana pelajar sanggup membaca buku mata pelajaran pendidikan Islam sebagai persediaan kelas, tanpa mengharapkan “spoon feeding” daripada guru. Walau bagaimanapun, rata-rata

pelajar menyokong bahawa, mata pelajaran pendidikan Islam sebenarnya tidak sepatutnya diwajibkan untuk mengambilnya. Maka tidak hairanlah apabila nilai keterbukaan pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam berada pada tahap yang sederhana tertinggi.

**Jadual 1.** Pengukuran Variasi Minat Melalui Nilai Keterbukaan Pelajar

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=370)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
*B101	Saya mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam kerana terpaksa.	4 (1.1)	26 (7.0)	113 (30.5)	104 (28.1)	123 (33.2)	3.85	0.99	Sederhana Tinggi
B102	Saya lebih suka mata pelajaran Pendidikan Islam berbanding mata pelajaran yang lain.	0 (0.0)	39 (10.5)	125 (33.8)	143 (38.6)	63 (17.0)	3.62	0.88	Sederhana Tinggi
B103	Saya suka membaca buku mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai persediaan kelas, tanpa disuruh guru.	2 (0.5)	130 (35.1)	121 (32.7)	84 (22.7)	33 (8.9)	3.04	0.97	Sederhana Tinggi
B104	Pada saya, mata pelajaran Pendidikan Islam amat penting kepada semua pelajar.	0 (0.0)	15 (4.1)	50 (13.5)	177 (47.8)	128 (34.6)	4.12	0.79	Tinggi
*B105	Saya tidak berminat menghadiri kelas tambahan untuk mata pelajaran Pendidikan Islam.	4 (1.1)	53 (14.3)	105 (28.4)	172 (46.5)	36 (9.7)	3.49	0.89	Sederhana Tinggi

*B106	Mata pelajaran Pendidikan Islam tidak sepatutnya diwajibkan ke atas pelajar untuk mengambilnya.	0 (0.0)	5 (1.4)	94 (25.4)	192 (51.9)	79 (21.4)	3.93	0.72	Sederhana Tinggi
*B107	Jika diberi pilihan, saya tidak mahu belajar mata pelajaran Pendidikan Islam.	0 (0.0)	15 (4.1)	95 (25.7)	160 (43.2)	100 (27.0)	3.93	0.82	Sederhana Tinggi
B108	Jumlah waktu pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam perlu ditambah.	11 (3.0)	51 (13.8)	202 (54.6)	85 (23.0)	21 (5.7)	3.14	0.83	Sederhana Tinggi
<b>Keseluruhan</b>							<b>3.64</b>	<b>0.52</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

\*Item negatif

### Ketertarikan Pelajar

Jadual 2 menunjukkan menunjukkan kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi bagi ketertarikan pelajar kepada mata pelajaran pendidikan Islam. Nilai min keseluruhan berada pada tahap sederhana tinggi iaitu ( $M = 3.32$ ,  $SP = 0.47$ ). Secara keseluruhannya, dua item berada pada tahap sederhana rendah iaitu B213 “Setiap hari saya akan mengulang kaji mata pelajaran Pendidikan Islam” dan B215 “Saya sentiasa menunggu kehadiran guru pendidikan Islam apabila tiba waktunya “ dengan min masing-masing ( $M = 2.32$ ,  $SP = 0.93$ ) dan ( $M = 2.89$ ,  $SP = 0.90$ ). Manakala lima daripada baki item berada pada tahap sederhana tinggi dengan min terendah ( $M = 3.15$ ,  $SP = 0.97$ ) pada item B216 “Mata pelajaran Pendidikan Islam tiada kaitan dengan bidang kerjaya yang saya cita-citakan”. Satu item lagi berada di tahap tinggi iaitu B211 “Mata pelajaran pendidikan Islam sangat berguna untuk kehidupan saya” ( $M = 4.36$ ,  $SP = 0.66$ ), sekali gus membuktikan bahawa, majoriti daripada responden sedar akan kepentingan ilmu Pendidikan Islam dalam kehidupan seharian mereka.

**Jadual 2.** Pengukuran Variasi Minat Melalui Nilai Ketertarikan Pelajar

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=370)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
B209	Saya suka membaca buku-buku agama selain buku teks yang disediakan pihak kerajaan.	0 (0.0)	59 (15.9)	118 (31.9)	128 (34.6)	65 (17.6)	3.53	0.95	Sederhana Tinggi
	Saya suka jika masa belajar Pendidikan Islam dalam bilik darjah, dilanjutkan tempohnya.	3 (0.8)	28 (7.6)	242 (65.4)	73 (19.7)	24 (6.5)	3.23	0.71	Sederhana Tinggi
B210	Mata pelajaran Pendidikan Islam sangat berguna untuk kehidupan saya.	0 (0.0)	1 (0.3)	36 (9.7)	160 (43.2)	173 (46.8)	4.36	0.66	Tinggi
B211	Guru Pendidikan Islam perlu memberikan latihan tubi tambahan selepas tamat waktu PdP.	5 (1.4)	34 (9.2)	117 (31.6)	195 (52.7)	19 (5.1)	3.51	0.78	Sederhana Tinggi
B212									



B213	Setiap hari saya akan mengulang kaji mata pelajaran Pendidikan Islam.	44 (11.9)	224 (60.5)	52 (14.1)	36 (9.7)	14 (3.8)	2.32	0.93	Sederhana Rendah
*B214	Saya suka jika mata pelajaran Pendidikan Islam berlalu dengan cepat. Saya sentiasa menunggu kehadiran guru Pendidikan Islam apabila tiba waktunya. Mata pelajaran Pendidikan Islam tiada kaitan dengan bidang kerjaya yang saya cita-citakan.	5 (1.4)	18 (4.9)	153 (41.4)	154 (41.6)	40 (10.8)	3.55	0.80	Sederhana Tinggi
B215		20 (5.4)	99 (26.8)	164 (44.3)	74 (20.0)	13 (3.5)	2.89	0.90	Sederhana Rendah
*B216		14 (3.8)	90 (24.3)	110 (29.7)	136 (36.8)	20 (5.4)	3.15	0.97	Sederhana Tinggi
<b>Keseluruhan</b>							<b>3.32</b>	<b>0.47</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

\*Item negatif

Dapatan ini menunjukkan bahawa, antara ketertarikan pelajar terhadap matapelajaran pendidikan Islam adalah dengan menganggap mata pelajaran pendidikan Islam sangat berguna dalam kehidupan seharian mereka. Kesepaduan elemen seperti ketamadunan, penerapan nilai-nilai murni, persefahaman, kasih sayang, rasional, keterbukaan, keamanan sejagat, pemikiran kritis dan inovatif yang diintegrasikan dalam pendidikan Islam mampu menjadikan ketertarikan pelajar kian bercambah

**Perhatian Pelajar**

Jadual 3 menunjukkan kekerapan, peratusan, min, dan interpretasi bagi perhatian pelajar ketika pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam sedang berjalan. Min keseluruhan berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu ( $M = 3.63$ ,  $SP = 0.47$ ).

**Jadual 3.** Pengukuran Variasi Minat Melalui Nilai Perhatian Pelajar

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=370)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
B317	Saya tidak pernah berasa jemu untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam dalam bilik darjah.	4 (1.1)	19 (5.1)	129 (34.9)	184 (49.7)	34 (9.2)	3.60	0.76	Sederhana Tinggi
	Saya mendapat pengetahuan yang luas apabila mempelajari Pendidikan Islam.	3 (0.8)	0 (0.0)	32 (8.6)	159 (43.0)	176 (47.6)	4.36	0.70	Tinggi
B318	Saya akan bertanya terus kepada guru apabila penerangan kurang jelas.	8 (2.2)	107 (28.9)	89 (24.1)	128 (34.6)	38 (10.3)	3.21	1.04	Sederhana Tinggi
B319	Semasa guru mengajar Pendidikan Islam, saya membuat kerja lain.	2 (0.5)	31 (8.4)	110 (29.7)	150 (40.5)	77 (20.8)	3.72	0.90	Sederhana Tinggi
*B320									

*B321	Saya sering tidur dalam bilik darjah ketika mata pelajaran Pendidikan Islam berjalan.	0 (0.0)	24 (6.5)	108 (29.2)	166 (44.9)	72 (19.5)	3.77	0.83	Sederhana Tinggi
	Saya akan menegur guru apabila terdapat kesalahan ejaan atau teori yang dilakukan.	7 (1.9)	85 (23.0)	147 (39.7)	109 (29.5)	22 (5.9)	3.14	0.90	Sederhana Tinggi
B322	Saya tidak suka guru Pendidikan Islam mengabaikan saya dalam bilik darjah.	5 (1.4)	22 (5.9)	118 (31.9)	183 (49.5)	42 (11.4)	3.63	0.81	Sederhana Tinggi
B323									
<b>Keseluruhan</b>							<b>3.63</b>	<b>0.47</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

\*Item negatif

Oleh itu, terdapat satu sahaja item yang berada pada tahap tinggi dengan ( $M = 4.36$ ,  $SP = 0.70$ ), iaitu item B318 “Saya mendapat pengetahuan yang luas apabila mempelajari pendidikan Islam” sekali gus menunjukkan responden selalu mendapatkan pengetahuan baharu di dalam kelas mata pelajaran pendidikan Islam. Manakala item selebihnya adalah berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min terendah ( $M = 3.14$ ,  $SP = 0.90$ ) iaitu item B322 “Saya akan menegur guru apabila terdapat kesalahan ejaan atau teori yang dilakukan”.

Dapatan ini menunjukkan bahawa, antara perhatian pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam adalah pada aspek pengetahuan yang diperoleh sangat luas apabila mempelajari pendidikan Islam. Secara umumnya, pelajar didedahkan dengan pelbagai bentuk pembelajaran seperti al-Quran, hadis, tauhid, sirah nabawiyah, kemahiran menulis jawi, akhlak, faraid, bahasa Arab, pengamalan ibadat fardu ain dan fardu kifayah serta aktiviti kemasyarakatan dalam kehidupan seharian. Sememangnya, bentuk-bentuk pengembangan ilmu dan kemenjadian pelajar inilah dapat memberikan anjakan paradigma kepada minda pelajar.

### **Penglibatan Pelajar**

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi bagi penglibatan pelajar. ketika pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam. Kesemua item bagi konstruk ini menunjukkan min berada pada tahap sederhana tinggi, lantas menjadikan min keseluruhannya juga berada pada tahap sederhana tinggi dengan ( $M = 3.34$ ,  $SP = 0.51$ ). Item yang mendapat min tertinggi ialah B427 “Saya selalu aktif melaksanakan amali bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dalam bilik darjah” ( $M = 3.51$ ,  $SP = 0.81$ ), manakala item yang mendapat min terendah pula ialah B428 “Saya sentiasa menyiapkan tugasan mata pelajaran Pendidikan Islam dengan cepat”.

Dapatan ini menunjukkan bahawa, antara penglibatan pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam adalah pada perkara yang melibatkan kegemaran melakukan latihan mata pelajaran pendidikan Islam di luar waktu bilik darjah. Menurut Ashaari (1996), jika sesuatu subjek itu dapat menarik minat pelajar sudah semestinya tahap kecergasan pelajar terhadap pembelajaran akan meningkat. Maka tidak hairanlah, pelajar akan lebih cenderung untuk meneroka sesuatu subjek dengan lebih jauh walaupun berada di luar kelas sekalipun.

**Jadual 4.** Pengukuran Variasi Minat Melalui Nilai Penglibatan Pelajar

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=370)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
B424	Saya berasa amat seronok berada dalam bilik darjah sewaktu mata pelajaran Pendidikan Islam.	0 (0.0)	13 (3.5)	189 (51.1)	135 (36.5)	33 (8.9)	3.50	0.70	Sederhana Tinggi
	Saya suka membuat latihan mata pelajaran Pendidikan Islam di luar waktu bilik darjah.	0 (0.0)	95 (25.7)	125 (33.8)	125 (33.8)	25 (6.8)	3.21	0.90	Sederhana Tinggi
B425	Saya selalu melakukan perbincangan kumpulan, mengenai topik matapelajaran Pendidikan Islam.	0 (0.0)	45 (12.2)	155 (41.9)	144 (38.9)	26 (7.0)	3.40	0.79	Sederhana Tinggi
B426									

B427	Saya selalu aktif melaksanakan amali bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dalam bilik darjah.	4 (1.1)	35 (9.5)	127 (34.3)	176 (47.6)	28 (7.6)	3.51	0.81	Sederhana Tinggi
	Saya sentiasa menyiapkan tugas mata pelajaran Pendidikan Islam dengan cepat.	1 (0.3)	97 (26.2)	130 (35.1)	124 (33.5)	18 (4.9)	3.16	0.88	Sederhana Tinggi
B428	Saya akan bertanya guru, jika terdapat masalah berkaitan mata pelajaran Pendidikan Islam.	2 (0.5)	84 (22.7)	151 (40.8)	115 (31.1)	18 (4.9)	3.17	0.85	Sederhana Tinggi
	Saya akan menawarkan diri apabila diperlukan bagi membantu proses pembelajaran Pendidikan Islam.	6 (1.6)	51 (13.8)	113 (30.5)	175 (47.3)	25 (6.8)	3.43	0.86	Sederhana Tinggi
B430									
<b>Keseluruhan</b>							<b>3.34</b>	<b>0.51</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

### Perbandingan Min Keseluruhan Konstruk Pengukuran Minat

Jadual 5 pula memperlihatkan rumusan perbandingan min bagi keempat-empat konstruk, yang mengukur variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. Dapatan ini menjelaskan bahawa, keempat-empat kaedah pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap sederhana tinggi iaitu, “Keterbukaan Pelajar” ( $M = 3.64$ ,  $SP = 0.52$ ), “Ketertarikan Pelajar” ( $M = 3.32$ ,  $SP = 0.47$ ), “Perhatian Pelajar” ( $M = 3.63$ ,  $SP = 0.47$ ), dan “Penglibatan Pelajar” ( $M = 3.34$ ,  $SP = 0.51$ ). Antara keempat-empat ini pula, konstruk yang mendapat skor min tertinggi ialah “Keterbukaan Pelajar” ( $M = 3.64$ ,  $SP = 0.52$ ). Manakala skor min konstruk yang terendah pula ialah “Ketertarikan Pelajar” ( $M = 3.32$ ,  $SP = 0.47$ ). Dapatan ini

kemudiannya menjadikan min keseluruhan bagi minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam berada pada tahap sederhana tinggi dengan ( $M = 3.48$ ,  $SP = 0.42$ ).

**Jadual 5.** Perbandingan Min Keseluruhan Konstruk Pengukuran Variasi Minat

KONSTRUK MINAT	PENGUKURAN	MIN	SP	INTERPRETASI
Keterbukaan Pelajar		3.64	0.52	Sederhana Tinggi
Ketertarikan Pelajar		3.32	0.47	Sederhana Tinggi
Perhatian Pelajar		3.63	0.47	Sederhana Tinggi
Penglibatan Pelajar		3.34	0.51	Sederhana Tinggi
<b>KESELURUHAN</b>		<b>3.48</b>	<b>0.42</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

**Perbezaan Variasi Minat Berdasarkan Jantina**

$H_{01}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam antara pelajar lelaki dan perempuan

Analisis ujian- $t$  dalam Jadual 6 menunjukkan, terdapat perbezaan yang signifikan ( $p = 0.008$ ,  $p < 0.05$ ) bagi variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam mengikut jantina antara lelaki ( $M = 3.42$ ,  $SP = 0.47$ ) dan perempuan ( $M = 3.54$ ,  $SP = 0.35$ ). Dapatan ini menunjukkan pelajar perempuan lebih mempunyai variasi minat terhadap mata pelajaran pendidikan Islam berbanding lelaki. Maka,  $H_{01}$  adalah ditolak.

**Jadual 6.** Ujian-T Perbezaan Variasi Minat Pelajar Mengikut Jantina

JANTINA	N	Min	SP	Nilai t	Nilai p
Lelaki	175	3.42	0.47	-2.722	0.008
Perempuan	195	3.54	0.35	-2.680	

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$

1. Perbezaan Variasi Minat Berdasarkan Jenis Sekolah

$H_{02}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar.

Analisis ujian- $t$  dalam Jadual 7 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ( $p = 0.810$ ,  $p > 0.05$ ) bagi variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam dengan jenis sekolah, antara sekolah di bandar ( $M = 3.47$ ,  $SP = 0.41$ ) dan sekolah di luar bandar ( $M = 3.49$ ,  $SP = 0.42$ ). Dapatan ini menunjukkan pelajar sekolah bandar mahupun luar bandar, mempunyai minat yang sama sahaja iaitu sederhana tinggi terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Maka,  $H_{02}$  adalah diterima.



**Jadual 7.** Ujian-T Perbezaan Variasi Minat Pelajar Mengikut Jenis Sekolah

SEKOLAH	N	Min	SP	Nilai t	Nilai p
Bandar	97	3.47	0.41	-0.241	0.810
Luar Bandar	273	3.49	0.42	-0.243	

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$

2. Perbezaan Variasi Minat Berdasarkan Jenis Aliran

$H_{03}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam antara aliran sains dan sastera.

Analisis ujian- $t$  dalam Jadual 8 di bawah telah membuktikan terdapat perbezaan yang signifikan ( $p = 0.014$ ,  $p < 0.05$ ) bagi variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam dengan jenis aliran, antara aliran sains ( $M = 3.62$ ,  $SP = 0.41$ ) dan aliran sastera ( $M = 3.46$ ,  $SP = 0.42$ ). Dapatan ini sekali gus menunjukkan pelajar aliran sains lebih berminat mempelajari mata pelajaran pendidikan Islam, berbanding pelajar aliran sastera. Maka,  $H_{03}$  adalah diterima.

**Jadual 8.** Ujian-T Perbezaan Minat Pelajar Mengikut Jenis Aliran

SEKOLAH	N	Min	SP	Nilai t	Nilai p
Sains	50	3.62	0.41	2.465	0.014
Sastera	320	3.46	0.42	2.476	

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$

3. Perbezaan Variasi Minat Mengikut Gred

$H_{04}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan gred A, B, C, dan D.

Hasil Analisis Varian Sehala (ANOVA) seperti dalam Jadual 9 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $p = 0.000$ ,  $p < 0.05$ ) bagi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam berdasarkan gred. Oleh yang demikian,  $H_{04}$  adalah ditolak.

**Jadual 9.** Analisis Varian Sehala Perbezaan Variasi Minat Pelajar Mengikut Gred

	JKD	DK	MKD	F	Sig. P
Antara Kumpulan	11.849	3	3.950	26.750	0.000*
Dalam Kumpulan	54.043	366	0.148		
<b>JUMLAH</b>	<b>65.892</b>	<b>369</b>			

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$

Bagi mengenal pasti perbezaan skor antara kumpulan gred yang berbeza, satu ujian Post-Hoc Scheffe telahpun dijalankan. Dapatan ujian dipaparkan sebagaimana dalam Jadual 10 iaitu:

**Jadual 10.** Ujian Post-Hoc Scheffe Perbezaan Minat Pelajar Mengikut Gred

<b>GRED</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>A</b>	<b>B</b>	<b>C</b>	<b>D</b>
A	204	3.604		-0.153	-0.466	-0.745
B	120	3.451	0.153		-0.313	-0.591
C	34	3.138	0.466	0.313		-0.278
D	12	2.859	0.745	0.591	0.278	

Berdasarkan ujian Post-Hoc Scheffe yang telah dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan skor antara kumpulan gred yang berbeza seperti Jadual 10 di atas, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $p = 0.000$ ,  $p < 0.05$ ) antara pelajar yang mendapat gred A ( $M = 3.604$ ) dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2018 bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dengan pelajar yang mendapat gred D ( $M = 2.859$ ) bagi mata pelajaran yang sama.

4. Perbezaan Variasi Minat Mengikut Pendidikan Tertinggi Ibu atau Bapa

*Hos* Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan pendidikan tertinggi ibu atau bapa yang mempunyai SRP/PMR, SPM, Diploma, Ijazah, Master, dan PhD.

Hasil Analisis Varian Sehala (ANOVA) seperti dalam Jadual 11 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $p = 0.011$ ,  $p < 0.05$ ) bagi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan pendidikan tertinggi ibu atau bapa yang mempunyai SRP/PMR, SPM, Diploma, Ijazah, Master, dan PhD. Oleh yang demikian, *Hos* adalah ditolak.

**Jadual 11.** Analisis Varian Sehala Perbezaan Variasi Minat Pelajar Mengikut Pendidikan Tertinggi Ibu atau Bapa

	<b>JKD</b>	<b>DK</b>	<b>MKD</b>	<b>F</b>	<b>Sig. P</b>
Antara Kumpulan	2.622	5	3.524	3.017	0.011*
Dalam Kumpulan	63.270	364	0.174		
<b>JUMLAH</b>	<b>65.892</b>	<b>369</b>			

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$

Bagi mengenal pasti perbezaan skor antara kumpulan pendidikan tertinggi ibu atau bapa yang berbeza, satu ujian Post-Hoc Scheffe telahpun dijalankan. Dapatan ujian dipaparkan sebagaimana dalam Jadual 12 iaitu:

**Jadual 12.** Ujian Post-Hoc Scheffe Perbezaan Variasi Minat Pelajar Mengikut Pendidikan Tertinggi Ibu atau Bapa

TAHAP PENDIDIKAN	N	Min	SRP/PMR	SPM	Diploma	Sarjanamuda	Sarjana	PhD
SRP/PMR	24	3.355		0.089	0.116	0.262	0.001	0.364
SPM	154	3.445	-0.089		0.026	0.172	-0.088	0.275
Diploma	86	3.471	-0.116	-0.026		0.145	-0.115	0.248
Sarjanamuda	92	3.617	-0.262	-0.172	-0.145		-0.261	0.102
Sarjana	11	3.356	-0.001	0.088	0.115	0.261		0.363
PhD	3	3.720	-0.364	-0.275	-0.248	-0.102	-0.363	

Berdasarkan ujian Post-Hoc Scheffe yang telah dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan skor antara kumpulan pendidikan tertinggi ibu atau bapa yang berbeza seperti Jadual 12, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $p = 0.011, p < 0.05$ ) antara ibu bapa yang berpendidikan tertinggi SRP/PMR ( $M = 3.355$ ) dengan ibu bapa yang berpendidikan tertinggi PhD ( $M = 3.720$ ).

Tuntasnya, dapatan kajian telah membuktikan variasi minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam, adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala perbezaan variasi minat pelajar dengan demografi pula menunjukkan, empat daripada lima item demografi mempunyai perbezaan yang signifikan dengan variasi minat mereka; jantina, aliran, gred dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2018, dan tahap pendidikan tertinggi ibu atau bapa. Satu item demografi yang tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan iaitu jenis sekolah, sama ada bandar atau luar bandar.

## PERBINCANGAN KAJIAN

### Keterbukaan Pelajar

Dapatan kajian terhadap elemen keterbukaan pelajar untuk mempelajari mata pelajaran pendidikan Islam menunjukkan bahawa, penerimaan pelajar terhadap mata pelajaran ini perlu diberikan lebih keutamaan. Hal ini kerana, keterbukaan merupakan pandangan pertama atau *first impression* pelajar terhadap sesuatu perkara (Slameto, 2010). Pada umumnya, konstruk keterbukaan pelajar dalam kajian ini mendapat nilai interpretasi yang sederhana tinggi. Kadar ini menunjukkan, masih ada lagi suatu kelompongan rasa dalam jiwa pelajar, untuk mempelajari mata pelajaran ini di sekolah. Hal ini terbukti, apabila masih terdapat lagi sebilangan peratusan yang menunjukkan responden berasa terpaksa untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Malah, sebilangan besar responden menunjukkan mereka tidak pasti lagi sama ada mereka rela atau terpaksa, tentang keputusan mereka untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan ini membuktikan, jiwa

para pelajar masa goyah tentang pendidikan Islam itu sendiri. Suhid et al. (2015), juga bersetuju bahawa pelajar Islam yang mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam, masih mempunyai pendirian dan jati diri yang lemah, malah pengamalan mereka terhadap Islam juga membimbangkan.

Dapatan di atas diperkuatkan lagi dengan item berikutnya, apabila pengkaji cuba membandingkan antara kecenderungan minat mereka terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran yang lain. Hasil dapatan menunjukkan, hampir separuh daripada jumlah responden masih lagi tidak pasti, bahkan tidak suka terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Malah, lebih 60% responden juga mengaku mereka tidak suka dan kadang-kadang sahaja, membaca buku berkaitan mata Pelajaran Pendidikan Islam sebagai persediaan sebelum masuk ke kelas mata pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan yang menunjukkan pengakuan responden ini menunjukkan, mata pelajaran pendidikan Islam bukanlah suatu keutamaan bagi mereka. Dapatan ini bersepadan dengan kajian Abdullah et al. (2018) terhadap respondennya yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab, tidak menganggap mata pelajaran itu sebagai keutamaan dalam pembelajaran mereka di sekolah.

Lebih membimbangkan, terdapat sebilangan peratusan responden lagi, yang jujur mengatakan mereka tidak berminat untuk menghadiri kelas tambahan mata pelajaran pendidikan Islam, dan berpandangan mata pelajaran ini tidak seharusnya diwajibkan ke atas pelajar untuk mengambilnya. Malah jika diberi pilihan, segelintir daripada mereka ini tidak akan mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam, dan tidak menyokong jika waktu mata pelajaran pendidikan Islam ditambah. Namun, pengkaji harus akui masih banyak lagi peratusan responden yang berasa terbuka untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam berdasarkan hasil dapatan. Walau bagaimanapun, *first impression* segelintir responden yang kurang terbuka untuk mempelajari mata pelajaran pendidikan Islam ini perlu dikekang dan diberi perhatian sewajarnya, agar kefahaman dan ketidakterbukaan mereka itu, tidak mempengaruhi rakan-rakan lain sehingga mengembangkan ideologi mereka dan mempengaruhi sistem atau suasana pembelajaran.

Namun demikian, terdapat satu item dalam konstruk keterbukaan yang boleh dibanggakan apabila majoriti responden berpandangan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam amat penting dalam kehidupan mereka. Item ini adalah satu-satunya item yang mendapat nilai interpretasi tinggi daripada tujuh item yang lain, yang mendapat sederhana tinggi. Dapatan ini disokong oleh kajian Mohamed et al. (2014), bahawa secara teori pelajar amat faham tentang kepentingan pendidikan Islam kepada diri dan pengamalan seharian mereka sebagai seorang Muslim. Berdasarkan dapatan ini, maka pengkaji dapat tafsirkan bahawa, secara teorinya para pelajar sebenarnya sangat memahami kepentingan mata pelajaran pendidikan Islam, kerana mata pelajaran ini sangat berkait rapat dengan didikan awal mereka di rumah, dan kehidupan seharian sebagai individu bergelar Muslim. Namun terdapat kekangan-kekangan, yang mengesahkan masa, membantutkan kefahaman, dan menggoyahkan minat mereka untuk bercambah, seperti kekangan aktiviti dan tugas mata pelajaran yang pelbagai, pembahagian masa yang terhad untuk mata pelajaran yang banyak, dan keutamaan yang harus diberikan kepada mata pelajaran yang lebih sukar.

### **Ketertarikan Pelajar**

Dapatan kajian terhadap elemen ketertarikan pelajar untuk mempelajari mata pelajaran pendidikan Islam menunjukkan bahawa, ketertarikan mereka terhadap mata pelajaran ini perlu diberikan lebih perhatian. Hal ini kerana, daya penarik yang baik akan menguatkan lagi keinginan pelajar untuk konsisten dalam perkara yang mereka sedang lakukan (Slameto, 2010). Secara keseluruhannya, konstruk ketertarikan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam ini adalah berada pada tahap sederhana tinggi, dan boleh dipertingkatkan lagi dengan kaedah-kaedah yang bersepadu melalui kerjasama daripada para guru dan juga usaha pelajar itu sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa item kritikal, perlu diberi penekanan kerana jumlah yang tidak bersetuju dan tidak pasti, melebihi jumlah responden yang bersetuju. Hal ini agak menggoyahkan sedikit tahap sebenar minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam ini.

Sebagai contoh, hampir 70% pelajar tidak pasti dan tidak bersetuju, jika tempoh mata pelajaran Pendidikan Islam dilanjutkan. Dapatan ini adalah angka yang besar dan sudah pasti terdapat permasalahan yang sedang dihadapi oleh para pelajar sehingga mereka kurang bersetuju dengan item ini. Selain itu, para responden juga kurang bersetuju jika para guru Pendidikan Islam memberikan latihan tambahan selepas tamat waktu pengajaran dan pembelajaran. Lebih 80% responden juga mengaku, bahawa mereka tidak pasti dan tidak langsung mengulang kaji mata pelajaran Pendidikan Islam di rumah. Malah, terdapat juga hampir separuh daripada jumlah responden yang tidak pasti dan suka jika masa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berlalu dengan cepat. Kekangan-kekangan ini juga disebut oleh Abd Razak et al. (2016), bahawa cabaran guru Pendidikan Islam pada hari ini semakin mencabar dengan pelbagai isu yang harus ditangani dengan bijak, termasuk pengurusan masa dan kehendak daripada pelajar. Sekiranya diamati, permasalahan dan isu item-item di atas kesemuanya berkaitan dengan kekangan masa dan pengurusan waktu para pelajar. Mereka seolah-olah terlalu sibuk dan sedang mengejar sesuatu yang lebih penting, sehingga mengalihkan daya tarik mereka terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Isu ini turut dialami dan bersependapat dengan kajian Othman & Kassim (2017), di mana pelajar dan guru masing-masing mengalami masalah peruntukan dan pengurusan masa dalam pengajaran dan pembelajaran, sedangkan kemampuan pelajar berbeza-beza, ditambah pula dengan kehendak silibus yang pelbagai.

Isu dapatan berikutnya dalam konstruk ketertarikan pelajar ini ialah, seramai majoriti responden tidak pasti dan tidak bersetuju bahawa mereka nanti-nanti kehadiran guru Pendidikan Islam apabila tiba waktu pengajaran dan pembelajaran. Item ini sangat jelas berbalik kepada daya penarik guru Pendidikan Islam itu sendiri. Hal ini kerana, guru Pendidikan Islam lah yang menjadi medium penyampai teori Pendidikan Islam kepada pelajar. Guru Pendidikan Islam, perlulah lebih giat memperbaiki fizikal dan sahsiah, seperti tatarias, kebersihan diri, layanan terhadap pelajar, daya humor, dan sebagainya, bagi menarik minat pelajar. Nilai positif yang terdapat pada pemberi ilmu (guru Pendidikan Islam) yang akan meningkatkan daya ketertarikan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Nilai ini disebut

dengan jelas oleh Jasmi & Tamuri (2007), tentang sahsiah seorang guru Pendidikan Islam yang menjadi lima watak pembimbing (5M), terhadap pelajar-pelajar mereka.

Kesan daripada kelemahan-kelemahan item di atas, maka terdapat lebih 50% responden yang tidak pasti dan tidak bersetuju bahawa mata pelajaran pendidikan Islam mempunyai kaitan dengan bidang kerjaya mereka pada masa hadapan. Dapatan ini agak mengecewakan kerana, pendidikan Islam adalah teras bagi setiap umat Islam untuk menentukan sesuatu keputusan, tidak kiralah kerjaya apa sekalipun yang sedang dijawab. Nilai agama adalah nilai pertama yang perlu dipertimbangkan dalam apa jua keputusan yang bakal diambil. Jadi, bagaimana kita mahu memisahkan agama daripada kerjaya pada masa hadapan? Dapatan item ini membuktikan, para pelajar Islam belum lagi benar-benar menerima Pendidikan Islam dengan sebaiknya, dan belum mengamalkannya secara syumul dalam kehidupan. Dapatan ini disokong oleh kajian Mohamed et al. (2014), bahawa secara teori pelajar amat faham tentang kepentingan Pendidikan Islam kepada diri dan pengamalan seharian mereka sebagai seorang Muslim, namun daripada sudut amalan Islam dan kesannya terhadap moral adalah masih ditahap yang lemah.

### **Perhatian Pelajar**

Dapatan kajian terhadap elemen perhatian pelajar ketika mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam dalam bilik darjah menunjukkan bahawa, perhatian pelajar terhadap mata pelajaran ini perlu diberikan lebih pemerkasaan. Hal ini kerana, perhatian yang ditunjukkan oleh para pelajar merupakan indikasi kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru dalam bilik darjah. Secara amnya, hasil dapatan elemen perhatian pelajar ini juga berada pada tahap sederhana tinggi. Masih terdapat juga padanya item-item yang perlu diberi penekanan dan perhatian yang sewajarnya, agar perhatian pelajar dalam bilik darjah sentiasa konsisten, supaya pengajaran dan pembelajaran mereka dalam bilik darjah dijamin lebih berkesan dan memberi impak untuk diamalkan. Enam daripada tujuh item kesemuanya berada pada tahap sederhana tinggi dan satu sahaja item yang berada pada aras tinggi. Di dalam konstruk perhatian pelajar ini, terdapat item-item yang mempunyai jumlah tidak pasti dan tidak bersetuju yang agak membimbangkan. Keadaan ini sekali gus membuktikan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar dalam bilik darjah adalah hambar sehingga menggagalkan perhatian pelajar untuk terus konsisten sehingga ke akhir proses pengajaran.

Sebagai contoh, daripada aspek tindakan pelajar, kebanyakan daripada mereka mengaku bahawa mereka berasa jemu untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam dalam bilik darjah. Bahkan, mereka juga bersetuju bahawa mereka membuat kerja lain ketika pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam sedang berlangsung. Malah hampir 40% daripada jumlah mereka pernah tidur dalam bilik darjah ketika mata pelajaran pendidikan Islam. Item-item ini telah menunjukkan bahawa, terdapat permasalahan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran sehinggakan perhatian pelajar mudah beralih, lantas menggagalkan keberkesanan dan penghayatan ilmu pendidikan Islam itu sendiri. Mohd Yunus et al. (2011) berpandangan, masalah tidak fokus daripada pelajar ini melibatkan aspek



psikologi kerana melihat sesuatu yang tidak menarik. Oleh itu, psikologi pendidikan harus dikuasai oleh semua guru tidak mengira mata pelajaran, supaya semua bidang pendidikan menunjukkan keberhasilannya.

Daripada aspek hubungan dua hala dengan guru Pendidikan Islam pula, masih terdapat peratusan yang menunjukkan bahawa mereka canggung dengan guru Pendidikan Islam mereka sendiri. Sebagai contohnya, lebih 50% daripada jumlah responden tidak pasti dan tidak akan bertanya guru secara terus dalam bilik darjah, sekiranya mereka mempunyai kefahaman yang kurang jelas terhadap sesuatu teori. Ramai di antara mereka juga tidak bersetuju dan tidak pasti untuk menegur guru Pendidikan Islam, sekiranya guru Pendidikan Islam melakukan kesilapan ketika proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Malah, terdapat juga peratusan responden yang tidak kisah sekiranya guru Pendidikan Islam mengabaikan mereka dalam bilik darjah. Dapatan item-item yang berkait rapat dengan hubungan dua hala antara guru Pendidikan Islam dengan pelajar ini, menunjukkan terdapat golongan pelajar yang berasa tidak selesa atau janggal dengan guru Pendidikan Islam mereka sendiri. Abdul Rahim & Ahmad (2008), pernah menyebutkan dalam dapatannya bahawa, guru dan pelajar perlu membina hubungan yang baik antara satu sama lain. Hal ini kerana hubungan yang baik dapat memberikan persepsi positif kepada guru, lantas menjadikan guru tersebut sebagai pemudahcara yang berkesan dalam bilik darjah. Oleh itu, sesi pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lancar dan berimpak kepada perkembangan prestasi pelajar.

Walau bagaimanapun, terdapat satu item pada tahap tinggi yang masih boleh dibanggakan iaitu, responden mengakui bahawa mereka mendapat pengetahuan yang luas apabila mempelajari mata pelajaran pendidikan Islam. Lebih 90% daripada responden mengakui hal ini. Dapatan ini sejajar dengan kajian Ahmad (2014), bahawa majoriti pelajar mempunyai persepsi bahawa mereka akan mendapat sesuatu yang baharu dan pelbagai apabila menyertai kelas mata pelajaran pendidikan Islam. Maka, di sini jelas bahawa para pelajar sebenarnya sedar secara teorinya, mereka akan mendapat input-input baharu yang pelbagai tentang agama Islam dalam bilik darjah. Namun secara praktikalnya, adakah bersamaan dengan kadar input dan kefahaman yang mereka peroleh? Walhal, praktikal dan amalan seharianlah yang sebenarnya membuktikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

### **Penglibatan Pelajar**

Hasil dapatan kajian menunjukkan, konstruk pengukuran minat yang keempat iaitu penglibatan pelajar di dalam dan luar bilik darjah, memerlukan lebih galakan yang proaktif, bagi menjamin keseronokan belajar dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Penglibatan pelajar secara aktif akan mampu mencipta suasana pembelajaran yang kondusif sekali gus, meningkatkan kefahaman para pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Berdasarkan kepada rumusan item-item dalam elemen penglibatan pelajar, pengkaji dapat lihat nilai interpretasinya sama sahaja dengan tiga elemen pengukuran minat sebelum ini, iaitu pada tahap sederhana tinggi. Dengan makna kata, ianya tidaklah terlalu rendah dan membimbangkan, namun perlu

berjaga-jaga dan diberi perhatian sewajarnya, agar penglibatan pelajar dalam bilik darjah tidak merosot, bahkan dapat ditingkatkan kepada tahap tinggi. Pengkaji cenderung untuk membahagikan item-item dalam konstruk ini kepada penglibatan secara emosi, intelek, sosial, dan jasmani. Pengkelasan ini akan lebih memudahkan perbincangan dan huraian, kerana penglibatan pelajar adalah lebih bersifat praktikal dan mudah memperlihatkan tindak tanduk mereka secara literal.

Bagi penglibatan secara emosi, item yang terlibat hanya satu iaitu, adakah responden berasa seronok ketika berada dalam bilik darjah sewaktu mata pelajaran Pendidikan Islam sedang berlangsung. Item ini mendapat respon tidak pasti yang paling tinggi, dan majoriti selebihnya bersetuju bahawa mereka seronok apabila berada dalam bilik darjah ketika waktu mata pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan ini menunjukkan, guru Pendidikan Islam masih belum lagi konsisten mengamalkan pembelajaran yang menyeronokkan dalam bilik darjah. Hal ini kerana, respon pelajar menunjukkan mereka tidak pasti dan mungkin kadang kala sahaja mereka merasakan pembelajaran yang menyeronokkan dalam bilik darjah. Dapatan ini sangat bertentangan dengan teori Mohd Yunus et al. (2011) bahawa, psikologi pendidikan amat mendukung pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dalam bilik darjah, bagi keberkesanan dan keaktifan pengajaran itu sendiri.

Daripada sudut penglibatan intelek pelajar, terdapat dua item yang terlibat dan boleh mengukur tahap minat mereka terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Pertama, hanya segelintir sahaja daripada jumlah responden yang bersetuju bahawa mereka suka dan sangat suka membuat latihan mata pelajaran Pendidikan Islam di luar waktu persekolahan, manakala baki hampir 60% responden tidak pasti, bahkan tidak bersetuju dengan item ini. Rentetan daripada item ini, lebih 60% responden mengakui bahawa mereka jarang-jarang dan tidak menyiapkan tugas Pendidikan Islam. Hanya sebilangan kecil responden sahaja yang komited dengan tugas yang diberikan oleh guru Pendidikan Islam, dan menyiapkannya dengan cepat. Dapatan ini menunjukkan, tahap penglibatan dan komitmen pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, adalah pada tahap yang agak rendah dan membimbangkan. Antara faktor yang boleh dikaitkan dengan permasalahan ini adalah berkenaan dengan pengurusan masa pelajar. Mereka perlu memperuntukkan masa kepada mata pelajaran secara saksama, dengan aktiviti-aktiviti lain yang penuh rencam (Othman & Kassim, 2017).

Penglibatan menerusi aspek sosial pelajar pula memperlihatkan tiga item berkaitan, yang mampu mengukur tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. Item yang melibatkan penglibatan sosial pelajar, adalah berkisar tentang penyertaan pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam, dalam aktiviti bilik darjah secara bersama dan terkawal. Pertama, terdapat lebih separuh daripada jumlah responden yang masih kurang pasti dan tidak bersetuju dengan amalan perbincangan kumpulan berkenaan mata pelajaran pendidikan Islam. Dapatan ini menunjukkan, amalan pembelajaran koperatif pelajar secara total. Item kedua yang berkaitan dengan penglibatan sosial pelajar ialah adakah pelajar akan bertanya guru sekiranya terdapat permasalahan atau isu semasa berkaitan dengan pendidikan Islam. Bagi item ini, dapatan masih sama dengan item yang lain, dimana peratusan tidak pasti dan tidak bersetuju, masih mendahului jumlah peratusan yang bersetuju. Hasil

dapatan ini membuktikan, masih terdapat kelompongan dalam hubungan sosial antara guru dan pelajar di sekolah. Manakala item ketiga, yang boleh mengukur penglibatan pelajar terhadap aspek sosial ialah, terdapat lebih separuh daripada responden bersetuju dan sangat setuju dengan penglibatan mereka yang menawarkan diri atau menjadi *volunteer* bagi membantu sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam. Dapatan ini agak baik kerana, ia membuktikan para pelajar bergiat aktif dan menyertai sesi pengajaran dan pembelajaran secara proaktif dan terkawal.

Terdapat satu item sahaja yang melibatkan pengukuran minat penglibatan secara jasmani, iaitu adakah para responden selalu bergiat aktif melaksanakan amali bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Seramai hampir 60% responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka menyertai amali Pendidikan Islam secara proaktif, dan majoriti bakinya masih tidak pasti dengan tahap keaktifan mereka sendiri. Dapatan ini memaparkan penyertaan dan kerjasama pelajar ketika sesi amali berlangsung dengan agak baik di dalam bilik darjah. Dapatan ini membuktikan kebenaran kajian Taat & Abdullah (2014), di mana pelajar lebih terdorong melakukan pergerakan dan aktiviti bilik darjah, daripada hanya mendengar syarahan guru melalui kaedah pengajaran langsung. Oleh itu, para guru Pendidikan Islam, perlulah lebih bijak mengawal keadaan para pelajar yang ramai dalam satu-satu masa, dan memastikan bilangan pelajar yang menyertai amali secara aktif dan bersama-sama, pada tahap yang maksimum.

Secara rumusnya, konstruk penglibatan pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam ini perlu diberikan lebih penekanan, agar minat pelajar terhadap mata pelajaran ini akan dapat terus diasah, seterusnya menanamkan rasa cinta kepada teori-teori Islam secara praktikal dalam menjalani kehidupan beragama sebagai seorang Islam sejati.

### **Perbezaan Variasi Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam Berdasarkan Demografi**

Secara keseluruhannya, analisis statistik inferensi menunjukkan wujudnya pola perbezaan antara minat pelajar terhadap mata Pelajaran Pendidikan Islam, dengan jantina responden, jenis sekolah, jenis aliran, gred mata pelajaran pelajaran Pendidikan Islam dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2018, dan pendidikan tertinggi ibu atau bapa. Dapatan analisis inferensi menunjukkan, terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, dengan jantina pelajar, yang mana pelajar perempuan lebih mempunyai kecenderungan minat yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki, terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Ini menunjukkan, usaha dan komitmen pelajar perempuan terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam lebih menggalakan daripada pelajar lelaki.

Dapatan juga membuktikan bahawa, minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan, dengan jenis sekolah iaitu bandar atau luar bandar, tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara satu sama lain. Hal ini menunjukkan, tahap minat dan kecenderungan pelajar bandar dan luar bandar adalah sama dan setara terhadap

mata pelajaran Pendidikan Islam. Dengan makna kata, persekitaran bandar mahupun luar bandar, tidak mempengaruhi dan menjejaskan kecenderungan dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Seterusnya, perbezaan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, dengan jenis aliran yang diambil oleh mereka, menunjukkan dapatan yang signifikan. Analisis dapatan memaparkan, pelajar aliran sains lebih menunjukkan daya minat dan komitmen terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam berbanding pelajar yang mengambil aliran sastera.

Perbezaan berikutnya ialah, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, dengan gred mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2018. Pelajar yang memiliki gred yang lebih baik, menunjukkan tahap minat dan komitmen yang lebih menggalakkan, berbanding pelajar yang mendapat gred yang corot. Dapatan ini juga sekali gus membuktikan, komitmen dan minat yang tinggi terhadap sesuatu mata pelajaran, akan membuahkan hasil atau gred yang lebih baik. Dapatan analisis perbezaan yang terakhir iaitu antara minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, dengan tahap pendidikan tertinggi ibu atau bapa mereka. Dapatan membuktikan, tahap pendidikan tertinggi ibu atau bapa juga, mempunyai perbezaan yang signifikan dengan tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Pelajar yang mempunyai ibu atau bapa yang berpendidikan lebih tinggi, lebih cenderung dan minat kepada mata pelajaran Pendidikan Islam, berbanding pelajar yang mempunyai ibu atau bapa yang berpendidikan lebih rendah. Hal ini menunjukkan, tahap pendidikan ibu bapa juga adalah galakan untuk anak cenderung meminati mata pelajaran Pendidikan Islam.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Hasil dapatan kajian telah membawa kepada implikasi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Perubahan bersepadu secara terancang dan berterusan perlulah dilakukan untuk membina nilai keterbukaan, ketertarikan, perhatian, dan penglibatan pelajar terhadap mata pelajaran ini. Hal ini kerana, keempat-empat elemen pengukuran minat ini, sudahpun berada pada tahap sederhana tinggi. Ini bermakna, elemen-elemen pengukuran di dalam setiap konstruk ini, perlulah kaji dan dipantau secara berkala supaya penambahbaikan dapat dilakukan dari semasa ke semasa, sekali gus menggalakkan tahap minat pelajar melonjak daripada sederhana tinggi kepada tahap tinggi.

### **Keterbukaan Pelajar**

Aspek keterbukaan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, telah membawa implikasi bahawa tanggapan pertama atau *first impression* pelajar perlulah diperbaiki dan ditingkatkan. Usaha penyebaran tentang kebaikan, keseronokan, dan pandangan positif pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, perlulah diwar-warkan secara meluas kepada para pelajar, supaya tanggapan yang baik ini dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam.

Aspek keketerbukaan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam ini juga memberi implikasi bahawa penghayatan pelajar Islam terhadap mata pelajaran pendidikan Islam juga masih rendah dan perlu diperbetulkan. Mempelajari Pendidikan Islam, bukanlah suatu pilihan. Mempelajarinya juga bukanlah kerana peperiksaan, tetapi sebuah kewajipan atau fardhu ain bagi semua umat Islam (Jasmi & Tamuri, 2007). Tanggapan inilah yang perlu diperbetulkan, supaya keterpaksaan mereka menjadi sebuah keterbukaan dan kerelaan. Jika mata pelajaran Pendidikan Islam dianggap suatu pilihan, dan hanya untuk keperluan peperiksaan, maka bila-bila masa sahaja mata pelajaran ini akan terkeluar daripada senarai mata pelajaran pilihan. Hal ini kerana, Pendidikan Islam pada hari ini tidak dilihat sebagai suatu mata pelajaran yang menjamin keuntungan material berbanding mata pelajaran lain, yang dilihat lebih penting, dan menjamin kerjaya masa depan.

### **Ketertarikan Pelajar**

Implikasi terhadap ketertarikan pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam, memperlihatkan suatu usaha dan upaya perlu dipergiat, bagi mengalihkan ketertarikan mereka kepada mata pelajaran ini. Hal ini kerana, tahap sederhana tinggi konstruk ini, belum cukup memuaskan jika mata pelajaran Pendidikan Islam mahu berada di tangga pertama, di hati para pelajar. Beberapa usaha seperti galakan material, bertoleransi dengan pelajar, dan keseronokan dalam bilik darjah, akan membuatkan pelajar lebih tertarik untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Implikasi ketertarikan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam ini juga menunjukkan, para pelajar perlu meningkatkan kemahiran pengurusan dan peruntukan masa. Majoriti item yang kurang dipersetujui responden, adalah item yang mempunyai perkaitan rapat dengan pengurusan dan peruntukan masa di rumah dan sekolah. Oleh yang demikian, pemantauan ibu bapa dan para guru terhadap kualiti masa anak-anak adalah diperlukan, supaya keberkesanan pembelajaran dan kualiti amalan Islam dapat dipertingkatkan dalam kehidupan seharian (Mohamad, *et al.*, 2008).

### **Perhatian Pelajar**

Implikasi terhadap aspek perhatian pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dalam bilik darjah juga, memerlukan usaha pembangunan yang strategik. Item dan elemen dalam konstruk perhatian pelajar boleh dilihat secara literal melalui tingkah laku dua hala antara pelajar dengan guru Pendidikan Islam (Slameto, 2010). Oleh itu, untuk membangunkan perhatian pelajar ini perlulah melalui galakan hubungan sosial yang sihat antara dua pihak. Pelajar harus menghormati para guru dan guru haruslah bertoleransi dengan pelajar. Guru Pendidikan Islam juga melalui aspek sahsiah, mestilah berpakaian menarik, mempunyai gaya humor, dan berkredibiliti, supaya dapat menarik pelajar berinteraksi dengan guru, rajin bertanya, malah menegur guru jika guru Pendidikan Islam sendiri yang melakukan kesilapan (Jasmi & Tamuri, 2007). Kesemua tanda-tanda ini menunjukkan pelajar sedang memberi perhatian kepada pengajaran dan guru Pendidikan Islam itu sendiri (Slameto, 2010). Namun,

dapatan kajian membuktikan masih lagi terdapat peratusan pelajar yang canggung dengan guru Pendidikan Islam mereka, lantas memberi kesan kepada perhatian mereka dalam bilik darjah.

### **Penglibatan Pelajar**

Elemen-elemen atau item-item dalam penglibatan pelajar, di luar dan dalam bilik darjah, yang berkaitan dengan mata pelajaran Pendidikan Islam masih lagi memerlukan usaha dan galakan yang lebih giat. Para guru Pendidikan Islam, perlulah merancang pengajaran harian dengan kreatif dan secara kolektif, dengan melibatkan penyertaan para pelajar. Berdasarkan dapatan, keseronokan pembelajaran dalam bilik darjah, komitmen pelajar untuk melakukan tugas mata pelajaran Pendidikan Islam, dan perbincangan kumpulan antara pelajar, perlu dipertingkatkan. Menurut Slameto (2010), penglibatan pelajar secara aktif akan menunjukkan prestasi mereka secara terus, membuktikan kefahaman mereka dengan jelas, dan menyeronokkan suasana pembelajar dalam bilik darjah.

### **KESIMPULAN**

Hasil kajian menyimpulkan, tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam, tidaklah terlalu mengujakan dan tidak pula terlalu lemah. Terdapat segelintir item yang kritikal, yang memerlukan perhatian dan kekangan yang sewajarnya, agar tidak terus merebak sehingga melumpuhkan sistem pendidikan Islam seluruhnya. Masih terdapat item atau ruang yang perlu diisi dengan penambahbaikan, bagi menggalakkan minat pelajar untuk mempelajari mata pelajaran pendidikan Islam, sekali gus meningkatkan mutu moral pelajar Islam melalui keberkesanan pembelajaran, dalam kehidupan mereka seharian sebagai Muslim bertaqwa. Tuntasnya, kelestarian pendidikan Islam dalam jiwa pelajar perlulah dipelihara dan dipupuk dengan sesungguhnya, melalui penerapan minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. Kerahkanlah idea dan upaya, bagi melihat minat pelajar ini tidak pudar melalui pelbagai cara, khususnya melalui penambahbaikan kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam, seperti yang telah dipaparkan oleh dapatan kajian ini. Semoga galakan minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam melalui pelbagai ikhtiar ini, mampu meneruskan legasi dakwah dan akhlak Islamiyah, seterusnya meresap ke dalam sistem pendidikan negara Malaysia.

### **RUJUKAN**

- Abdullah, A. H. B., Sulaiman, A. A. B., & Wan Abdullah, W. I. B. (2015). [Factors Affecting Motivation on Learning Arabic] Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 10(2), 82-97. <https://doi.org/10.37231/jimk.2015.10.2.112>
- Abdullah, H., Zaini, A. R., Ab Latif, K. A., Ihsan, H., Ku Azizan, K. F., Wan Ngah, W. S., & Mansor, N. (2018). *Pendidikan Abad Ke-21 Dalam*



- Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Di Malaysia: Amalan Dan Cabaran. 5th International Research Management & Innovation Conference di Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Abdul Rahim, N. H., & Ahmad, A. N. (2008). Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam Kajian Di Dua Buah Sekolah Daerah Hulu Selangor. *Kod Kursus LIK5016 – Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam*. Tangjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Retrieved from [https://www.academia.edu/3788920/persepsi\\_pelajar\\_terhadap\\_pendidikan\\_islam](https://www.academia.edu/3788920/persepsi_pelajar_terhadap_pendidikan_islam)
- Abd Rahiman, F., & Abdul Shukor, A. S. (2017). Hubungan Minat dan Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar dalam Kursus DPA3043 - Auditing. National Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2017.
- Abd Razak, R., Hamzah, H., & Rashed, N. (2016). Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak Pelajar. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Special Issue 3: 100-110. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/15589>
- Abu, N. E., & Leong, K. E. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 2(1): 1-10.
- Ahmad, L. H. (2014). Persepsi Pelajar terhadap Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dalam Pembentukan Sahsiah Muslim. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 39(2): 133-140.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2016). Maklumat Dadah 2016. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri.
- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-peraturan Terpilih. (2003). Petaling Jaya: International Law Books Services.
- Asbullah, L. H., Lubis, M. A., Aladdin, A., & Sahrim, M. (2019). Tahap motivasi holistik, intrinsik dan ekstrinsik terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan graduan universiti awam. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 33, 75–93. <https://doi.org/10.21315/apjee2018.33.6>.
- Ashaari, O. (1996). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Polit, & Beck, & Owen, (2007)
- Bryman, A. dan Cramer, D. (1999). *Quantitative data analysis with SPSS Release 8 for Windows: A guide for social*. London: Routledge
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). *Research Methods in Education*. 5th Edition, Routledge Falmer, London. <http://dx.doi.org/10.4324/9780203224342>
- Darusalam, G. & Hussin, S. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

- Hamid, N. (2000), Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Dua Buah Sekolah, Universiti Malaya: Tesis Sarjana Pendidikan
- Herlina. (2013). *Bibliotherapy: Mengatasi Masalah Anak Dan Remaja Melalui Buku*. Bandung: Pustaka Cendekia Utama.
- Hurlock, E. B. (1990). *Development Psychology: A Lifespan Approach*. (terjemahan oleh Istiwidayanti). Jakarta: Erlangga
- Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Perak Tengah. (2017). *JPS@Komuniti: Profil Daerah JPS Perak Tengah*. Retrieved from [apps.water.gov.my/jpskomuniti/arkibprofil.cfm?link](https://apps.water.gov.my/jpskomuniti/arkibprofil.cfm?link)
- Jabatan Pelajaran Negeri Perak. (2017). *Pendidik Bestari 2017*. Ipoh: Persatuan Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pendidikan Perak.
- Jasmi, K. A., & Tamuri, A. H. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor: Penerbit UTM
- Konting, M. M. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040. (2017). *Laporan Unjuran Pembangunan Perak 2040*. Retrieved from [https://www.mdlg.gov.my/sites/default/files/3\\_lp\\_unjuran\\_jun.pdf](https://www.mdlg.gov.my/sites/default/files/3_lp_unjuran_jun.pdf)
- Lynn, M. R. (1986). Determination and quantification of content validity. *Nursing Research*, 35(6), 382–386. <https://doi.org/10.1097/00006199-198611000-00017>
- Majlis Agama Islam Negeri Perak. (2018). MAIPk Bekerjasama dengan JPN Laksana Program Sahsiah Unggul Terbilang (SUIT). Berita MAIPk, 11 April, [maiamp.gov.my/maiamp2/index.php/info/berita.html](http://maiamp.gov.my/maiamp2/index.php/info/berita.html)
- McMillan, J. H., & Schumacher, S. (2006). *Research in education*. Boston, US: Pearson Education.
- Mohd Arop, M. H. (2017, Disember 28). Indeks jenayah Perak Tengah turun. *MyMetro Online*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/12/297726/indeks-jenayah-perak-tengah-turun>
- Mokhtar, S., & Che Aman, R. (2017). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kesejahteraan psikologi versi bahasa melayu. Universiti Sains Malaysia. Retrieved from <https://seminarserantau2017.files.wordpress.com/2017/09/4-salina-mokhtar-rahimi-che-aman.pdf>
- Mohamed, K. S. (2015, Julai 22). Notis Larangan untuk Kekang Gejala Sosial di Pawagam – Ahli Majlis MDPT. Astro Awani. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/notis-larangan-untuk-kekang-gejala-sosial-di-pawagam-ahli-majlis-mdpt-66646>

- Mohamed, N. S. N., Nawawi, N. F., Safar, A@J., & Jasmi, K. A. (2014). Kesedaran Motivasi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Seminar Antarabangsa Education, Law, Civilisation, Science and Technology, dalam Konsep dan Aplikasi, Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor.
- Mohd Aini, M., Che Noh, M. A., & Tamuri, A. H. (2013). Mengenal Punca Kemosotan Minat Pelajar Terhadap Pembelajaran dan Pengajaran Pendidikan Islam. 3rd ICIED2013 di EPF Institute, Kajang, Selangor
- Mohd Yunus, K. R., Razali, M., & Jantan, R. (2011). HBEF Psikologi Pendidikan. Selangor: Open University Malaysia
- Mustafa, Z., & Salim, H. (2012). Factor Affecting Students Interest in Learning Islamic Education. *Journal of Education and Practice*. 3(13): 81-86. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/234633673.pdf>
- Othman, M. S., & Kassim, A. Y. (2017). Permasalahan Kemahiran Menetapkan Objektif Pengajaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Berteraskan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). [www.jpp.edu.my/index.php/journal/full/9\\_3.pdf](http://www.jpp.edu.my/index.php/journal/full/9_3.pdf)
- Polit, D. F., Beck, T., & Owen, S. V. (2007). Focus on research methods is the CVI an acceptable indicator of content validity? Appraisal and recommendations. *Research in Nursing and Health*, 30, 459–467. <http://doi.org/10.1002/nur>
- Qurashi, B. S. (2009). Al-Nizam al-Tarbawi fi al-Islam Dirasatun Muqaranah. t.tp.: Darul Ta'aruf li al-Matbu'ah.
- Salih, M. (1980). Fan al-Tadris li al-Tarbiyyah al-Diniyyah wa Irtibatih al-Nafsiyyah. Terj. Wan Amnah Yaacob, Saadah Suhaimi & Ahmad Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsuiman M. A., Benjaman, M. A., & Arifin, Z. (2014). Hubungan Antara Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab Dengan Kualiti Diri Guru Bahasa Arab MRSM Ulul Albab, Kota Putra. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014.
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business: A skill building approach*. Ed. Ke-2. New York: John Wiley & Sons.
- Shaari, S. (2018, Mac 13). Didikan Agama Bantu Tangani Gejala Sosial. *Utusan Online*. Retrieved from [www.utusan.com.my/rencana/forum/didikan-agama-bantu-tangani-gejala-sosial](http://www.utusan.com.my/rencana/forum/didikan-agama-bantu-tangani-gejala-sosial)
- Slameto. (2010). *Belajar dan Faktor-faktor yang Mempengaruhinya*. Edisi Revisi. Jakarta: Rineka Cipta.
- Suhid, A., Ahmad, A. M., Mohd Sabri, S., & Mohamad, A. E. (2015). Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InJET)*. 1(2): 1-7.
- Stufflebeam, D. L., & Kappa, P. D. (1971). *Educational Evaluation And Decision Making*. Bloomington, Indiana: Phi Delta Kappa.



- Taat, M. S., & Abdullah, M. Y. (2014). Impak Pengajaran dan Bimbingan Guru Pendidikan Islam terhadap Motivasi dalam Pembelajaran Terarah Kendiri Pelajar. *Jurnal Pemikir Pendidikan*. 5: 1-19
- Wan Yusop, W. M. F. (2014). Faktor Yang Mendorong Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Program Kimpalan Di Kolej Vokasional. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan Teknikal*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Yalchin, M. (1977). *Al-Tarbiyyah al-Akhlaqiyyah al-Islamiyyah*. Mesir: Maktabah al-Khanji.